

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN  
HAJI MOHD FAKEH  
[SABAK BERNAM]**

**NO. SOALAN : 86**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah langkah dan strategi Kerajaan khususnya peserta Gerakan Daya Wawasan (GDW) 3.0 bagi membantu Kerajaan untuk memberikan penerangan mengenai dasar kerajaan termasuk Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

## **JAWAPAN:**

### **Tuan Yang Di-Pertua,**

Gerakan Daya Wawasan (GDW 3.0) adalah merupakan suatu gerakan bersepadu semua pihak yang terlibat dengan pembangunan luar bandar untuk secara berterusan mentransformasikan kepimpinan JKKK/JKKKP agar menjadi institusi yang berwibawa serta mampu berperanan sebagai agen transformasi yang berkesan dalam menggerakkan penglibatan aktif komuniti setempat bagi merealisasikan wawasan desa yang Maju, Makmur dan Sejahtera.

Sejumlah **966** Penggerak GDW 3.0 yang terdiri daripada pegawai di peringkat lapangan di bawah Agensi/Jabatan KKLW terlibat secara langsung memberi nasihat, idea, kesedaran, motivasi dan bimbingan kepada **15,895** JKKK/JKKKP seluruh negara bagi merancang, melaksana dan menyelaraskan pembangunan kampung seliaan masing-masing secara Amanah, Berdikari dan Cekap. Penggerak GDW 3.0 juga berperanan dalam memberi penerangan dasar-

dasar terkini kerajaan seperti Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) serta lain-lain dasar/isu semasa seperti rasionalisasi subsidi kerajaan, pengurusan banjir dan sebagainya.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI IRMOHIZAM  
BIN HAJI IBRAHIM [ KUALA  
SELANGOR ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [ Kuala Selangor ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status pembinaan sekolah-sekolah di kawasan Puncak Alam di antaranya SMK Bandar Saujana Utama 3 melibatkan bangunan 36 bilik darjah serta sekolah-sekolah lain merangkumi SK Alam Perdana dan SK Alam Suria di mana ini adalah penting berikutan pertambahan populasi di kawasan berkenaan.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membuat permohonan bagi pembinaan SMK Saujana Utama 2 dalam RMKe-11 untuk pertimbangan Unit Perancangan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri. Pembinaan sekolah tersebut jika diluluskan akan dapat menampung keperluan penduduk di kawasan berkenaan.

Bagi projek pembinaan Sekolah Kebangsaan Puncak Perdana di kawasan Puncak Alam yang mempunyai kapasiti 12 Bilik Darjah, masih di peringkat pembinaan dengan kemajuan fizikal di tapak telah mencapai 85 peratus. KPM sedang memantau rapi kerja-kerja kontraktor di tapak untuk memastikan projek tersebut berjalan lancar dan siap mengikut jadual.